



Bingkisan

MENARA CONDONG

EDISI JANUARI - JUN 2022

BIL.1/2022



**SISTEM PENARAFAN BINTANG
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN**



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

En. Ismail Bin Ibrahim, PMP, AMP.
Yang Dipertua

PENASIHAT

Pn. Ramdhatun Ajma Binti Jemail
Setiausaha Perbandaran

EDITOR

En. Megat Amerudin Bin Megat Danian, PPT.
Ketua Bahagian Komuniti Dan Perhubungan Awam(PRO)

PEREKA GRAFIK

Pn. Norazrin Binti Saian


JURUGAMBAR


En. Mohamad Khairul Anuar Bin Mohamad Nor


AHLI JAWATANKUASA

En. Mohd Rizal Bin Hamid
En. Mohd Azmir Bin Ariffin
Pn. Nurul Hasni Binti Haji Muhamad
Pn. Azlina Binti Md Demyadi
En. Ahmad Fazree Bin Ahmad Fuzi
En. Mohd Ashraf Bin Hamidi
Pn. Zanariyah Binti Ismail
Pn. Siti Asmah Binti Jahir
En. Mustafa Bin Mohd Saaduddin

Buletin ini diterbitkan oleh
**BAHAGIAN KOMUNITI DAN PERHUBUNGAN AWAM (PRO),
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN**
Jalan Speedy , 36000 Teluk Intan

 05-622 1299

 05- 621 5504

 05-621 2446


 <http://www.mpti.gov.my>

 **Aduan Awam :**
<http://mpti.spab.gov.my>

 admin@mpti.gov.my

 [mptelukintan](https://www.facebook.com/mptelukintan)

 twitter.com/MPTI18

 [majlis_perbandarantelukintan](https://www.instagram.com/majlis_perbandarantelukintan)



SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)

RABU, 15 JUN 2022 : Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) telah menerima Lawatan Pasukan Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2022 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Seramai 7 orang panel telah hadir untuk melaksanakan penilaian SPB-PBT yang telah diketuai oleh Pn. Wardiyah Bt Senik@Abdul Mukti.



Penilaian SPB-PBT ini melibatkan aspek pengurusan, pentadbiran, perundangan, penguatkuasaan, pembangunan, perkhidmatan bandar dan kemasyarakatan di mana audit yang dijalankan ini bertujuan bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih efisien dan berkualiti kepada masyarakat.



MISI
"Meningkatkan pengurusan kawasan secara cekap dan berkesan untuk masalah dan menangani perubahan atlamat dasar pembangunan diri dan negara."
MISI
"Meningkatkan pengurusan kawasan secara cekap dan berkesan untuk masalah dan menangani perubahan atlamat dasar pembangunan diri dan negara."



Tahniah...

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

Telah dianugerahkan Penarafan **5** ★★★★★
(Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan
SPB-PBT) Tahun 2022



MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN KESELAMATAN PERLINDUNGAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2022



KHAMIS, 09 JUN 2022: MPTI telah menerima Anugerah Cemerlang pada Majlis Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 bagi Kategori Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terbaik.

Yang Dipertua MPTI Tuan Ismail Ibrahim telah hadir ke Majlis Penyampaian Anugerah tersebut. Turut hadir

Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatun Ajma Jemial dan Ketua Jabatan MPTI. Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 yang disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohamad Zuki Bin Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) sekaligus menyampaikan anugerah kepada 79 penerima anugerah. Turut mengiringi YBhg. Tan Sri Dato' Seri KSN adalah YBrs. Tuan Rahimi Bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) selaku penganjur majlis.

MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN KESELAMATAN PERLINDUNGAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2022



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Dan Jasamu Dikenang Majlis Perbandaran Teluk Intan

KHAMIS, 24 MAC 2022 – MPTI telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang 2021 di Dewan Bandaran Teluk Intan.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Nolee Asyilin Mohamad Radzi (Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Perak). Turut hadir Yang Dipertua MPTI, Tuan Ismail Ibrahim, Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatun Ajma Jemail, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Ketua-Ketua Jabatan Daerah, Pengarah-Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit MPTI.

Seramai 25 orang anggota yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 10 orang penerima Anugerah Terampil. Pada majlis itu juga, turut meraikan 11 orang pesara pada tahun 2021.





Majlis Perasmian **BASIKAL PINTAR PELANCONGAN** **DI DATARAN MENARA CONDONG**

JUMAAT, 18 FEBRUARI 2022: Perasmian Basikal Pintar Pelancongan di Dataran Menara Condong telah dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua MPTI, En. Ismail Ibrahim bersama dengan Pegawai Daerah Hilir Perak, En. Saidi Hj. Saari. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Perak Cik Nurmali Musa, Pengarah Pemasaran Cycledios, Tuan Hj. Borhan Abd Halim, Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatun Ajma Jemail, Ketua Whip MPTI, En. Hj. Ahmad Hilmi Yunus, Wakil Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Inspektor En. Al-Ikhsan Borhan, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Pengarah-Pengarah Jabatan MPTI, Ketua Jabatan Daerah dan wakil-wakil NGO Daerah Hilir Perak.



DARI LENSA

MAJLIS PELANCARAN
BASIKAL PINTAR PELANCONGAN





MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI TAHUN 2022 1443H MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

RABU, 18 MEI 2022 :MPTI telah mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri bertempat di Dewan Bandaran MPTI. MPTI telah menjemput Orang Besar Jajahan Hilir Perak, YB Adun Kawasan Changkat Jong, Adun Kawasan Pasir Bedamar, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Daerah, Penghulu-Penghulu mukim dan seluruh warga kerja MPTI.

Dengan tema berkonsepkan *Kampung Style*, tetamu dapat menikmati juadah dengan pelbagai hidangan di setiap gerai yang berada di dalam dewan tersebut. Sambutan Hari Raya tersebut juga turut diadakan persembahan busking, pertandingan pakaian tercantik dan pertandingan gerai tercantik mengikut tema pada majlis tersebut.

Yang Dipertua MPTI Tuan Ismail Ibrahim dan isteri bersama Orang Besar Jajahan Hilir Perak turut berkesempatan menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak kakitangan MPTI dan tetamu yang hadir pada malam itu.





DARI LENSA
MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI
TAHUN 2022, MPTI

MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SUMBANGAN IHSAN MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

ISNIN, 18 APRIL 2022 : Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Ihsan Majlis Perbandaran Teluk Intan telah diadakan di Masjid Al-Quro Bagan Datuk. Yang Dipertua MPTI Tn. Ismail Ibrahim telah menyampaikan sumbangan kepada Pengerusi Masjid tersebut.



PENYERAHAN KOTAK KURMA SEMPENA BULAN RAMADAN 1443H DARI KELAB SUKAN & KEBAJIKAN MPTI

JUMAAT, 01 APRIL 2022 : Penyerahan Kotak Kurma Sempena Bulan Ramadan 1443H dari Kelab Sukan & Kebajikan MPTI telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPTI, Tuan Ismail Ibrahim kepada ketua jabatan selaku wakil setiap jabatan/bahagian/ unit MPTI.



TAZKIRAH RAMADAN

"LAILATUL QADAR YANG DINANTI, RAHMAT YANG DICARI"

JUMAAT, 22 APRIL 2022 : MPTI telah mengadakan Tazkirah Ramadan dengan tajuk "Lailatul Qadar Yang Dinanti, Rahmat Yang Dicari" di Dewan Mesyuarat Utama MPTI oleh Penceramah tersohor iaitu Mohd Zainudin B. Mohamed Zaini (PU Yeop Pencetus Ummah).

Turut hadir Yang Dipertua MPTI Tn. Ismail Ibrahim, Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian, Ketua Unit dan anggota kerja Majlis Perbandaran Teluk Intan.



PROGRAM SUMBANGAN BAKUL SYAWAL 1443H

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

KHAMIS, 28 APRIL 2022 : Program Sumbangan Bakul Syawal kepada warga kerja MPTI telah diadakan di Dewan Rumah Rehat MPTI. Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPTI Tn. Ismail Ibrahim. Turut hadir Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatun Ajma Jemail, Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian dan Ketua Unit MPTI.



PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK 2022

SELASA, 8 FEBRUARI 2022: Program Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak telah diadakan di Stadium Indera Mulia, Ipoh bermula dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Program ini diadakan bertujuan bagi mendengar permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Program yang disertai oleh YAB Menteri Besar dan barisan Exco Kerajaan Negeri Perak ini turut melibatkan jabatan-jabatan negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak termasuk Majlis Perbandaran Teluk Intan.



Corat-Coret Pertandingan FUTSAL PIALA YDP MPTI



JUMAAT, 31 DISEMBER 2021: Pertandingan Futsal Piala YDP MPTI telah diadakan di Arena Square Teluk Intan. Sebanyak 14 penyertaan daripada Jabatan Kerajaan dan Agensi luar yang menyertai pertandingan ini. Turut hadir En. Saidi Haji Shaari, Pegawai Daerah Hilir Perak. Pasukan futsal daripada MPTI telah berjaya menjadi juara dan memenangi Piala YDP dalam pertandingan ini. Hadiah wang tunai dan piala kejuaraan telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPTI En. Ismail Ibrahim dan En. Saidi Haji Shaari.





RABU, 20 APRIL 2022: Kilang Biskut SGT Food Jalan Pasir Bedamar Teluk Intan telah mengadakan majlis Penyerahan Sumbangan Kotak Makanan kepada 250 orang golongan miskin berbilang kaum dan 8 buah Pusat Jagaan Anak-Anak Yatim dan Orang Tua. Sebanyak 350 kotak makanan yang telah disumbangkan.

Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPTI Tn. Ismail Ibrahim. Turut hadir Pengurus Kilang SGT Food, Timbalan Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Ahli Majlis MPTI En. Kong Sun Chin, Pengurus Medifa Care Teluk Intan dan Wakil-Wakil NGO. Tuan Yang Dipertua juga sempat mengadakan lawatan di kilang tersebut untuk meninjau proses pembuatan biskut di kilang tersebut.



SUMBANGAN KOTAK MAKANAN OLEH KILANG BISKUT SGT FOOD

PEMASANGAN SISTEM SOLAR PHOTOVOL TAIC DAN METER TENAGA (ENERGY METER)

KHAMIS, 24 MAC 2022: Majlis penyerahan surat setuju terima pemasangan *Sistem Solar Photovol Taic* dan meter tenaga (*energy meter*) di bangunan Majlis Perbandaran Teluk Intan oleh pihak Majuperak Resources Sdn Bhd.



Program Bubur Lambuk

Sempena Bulan Ramadan 1443H



SELASA, 26 APRIL 2022 – Majlis Perbandaran Teluk Intan dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan MPTI telah mengadakan Program Bubur Lambuk Sempena Bulan Ramadan 1443H di Arena Square Teluk Intan. Program tersebut bermula seawal jam 8.30 pagi. Turut hadir Yang Dipertua MPTI Tn. Ismail Ibrahim, Setiausaha MPTI Pn. Ramdhatun Ajma Jemail, Ketua Whip En. Ahmad Hilmi Yunus, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Pengarah Jabatan MPTI, Ketua Bahagian dan Ketua Unit MPTI.

Agihan bubur lambuk kepada orang awam secara pandu lalu bermula jam 4.00 petang di Dataran Menara Condong. Sebanyak 1000 bekas bubur lambuk telah diagihkan kepada semua warga kerja MPTI dan orang awam.





RABU, 19 JANUARI 2022 : Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Teluk Intan bagi tahun 2022 telah diadakan di Dewan Bandaran Teluk Intan. Turut hadir Yang Dipertua MPTI, En. Ismail Ibrahim, Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatus Ajma Jemail, Ketua Whip Ahli Majlis MPTI Tn. Hj Ahmad Hilmi Yunus, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Pengarah-Pengarah Jabatan MPTI, Ketua Bahagian MPTI dan Ketua Unit MPTI.

Pada majlis itu juga telah diadakan Majlis Perasmian Video Korporat MPTI, Majlis Penganugerahan Kenaikan Pangkat kepada 2 anggota MPTI, Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan MPTI, Penyampaian Sijil Penghargaan Sebagai Juruaudit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015, Sijil Penghargaan Ahli Jawatankuasa Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), Pencapaian MPTI Tahun 2021, Anugerah Piala Inovasi YB Menteri KPKT Anjuran MALA, dan juga penyampaian Piala Yang Dipertua MPTI dalam Pertandingan Futsal Peringkat Jabatan Daerah Hilir Perak.




**MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI KE ARAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG & EKSEKUTIF TALK
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN**



Sekalung Budi, Sejambak Kasih

**Sempena
Persaraan
Kakitangan
Majlis
Perbandaran
Teluk Intan
pada tahun
Januari
- Jun 2022**


**ISNIN, 07 FEBRUARI
2022:** Majlis Perbandaran
Teluk Intan telah
mengadakan majlis
Sekalung Budi, Sejambak
Kasih Jasamu Dikenang
bertempat di Dewan
Wisma Ibnu Sina, Taman
Melor Teluk Intan untuk
kakitangan MPTI yang
akan bersara wajib/pilihan
dan kakitangan yang telah
meninggal dunia bagi
bulan Januari – Jun 2022.
Majlis telah
disempurnakan oleh Tuan
Ismail Ibrahim, Yang
Dipertua MPTI. Turut hadir
Pn. Ramdhatun Ajma
Jemail, Setiausaha MPTI
dan Ketua-Ketua
Pengaroh/Bahagian/Unit
MPTI.



EN. AZHARI BIN MD. YUSOFF, PJK.
PEMBANTU TADBIR N19
(37 THN 10 BLN)



EN. AHMAD BIN MANAP
PEMBANTU AWAM H11
(36 THN 9 BLN)



EN. ABDUL RAHMAN BIN AYUB, PJK.
PEMBANTU TADBIR N19
(38 THN 2 BLN)



EN. MOHD NASIR BIN MAAROF
PEMBANTU AWAM H11
(29 THN 2 BLN)



EN. NASARUDDIN BIN ZACHARIAH
JURUTERA J44 (26 THN 4 BLN)



**EN. ABDOL AZIZ BIN
MOHD YUSOF, PJK.**
PEMBANTU AWAM H11
(29 THN 2 BLN)



EN. RAMESH A/L MANI (MENINGGAL)
PEMBANTU AWAM H11
(29 THN 2 BLN)





DARI LENSA AKTIVITI MPTI

PEMBERSIHAN TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI KAWASAN TAMAN INTAN BARU JALAN KAMPUNG BANJAR DAN TAMAN DESA BAKTI



PROGRAM GOTONG-ROYONG BERSAMA JABATAN/AGENSI DI KUARTERS INSTITUT PERGURUAN SUNGAI SUMUN



PASUKAN PASCA BANJIR MPTI KE KAMPUNG POH DAN TAMAN MAJU JAYA BIDOR YANG TENGGELAM AKIBAT BANJIR



SISTEM PARKIR PINTAR PELBAGAI PLATFORM BAYARAN

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

SISTEM LETAK KERETA PINTAR UNTUK KEMUDAHAN SEMUA


KADAR BAYARAN	
KIRAAN JAM	RM 0.30 SEN/30 MINIT RM 0.60 SEN/JAM <small>*TERMASUK SST</small>
PAS BULANAN	RM63/BULAN <small>*TERMASUK SST</small>
PETAK KHAS	RM100/SEPETAK <small>*TERMASUK SST MINIMA 3 BULAN</small>
PETAK HARIAN	RM4/SEPETAK RM5/SEPETAK (PROMOSI) <small>*TERMASUK SST SEHARI</small>
MASA OPERASI	
MASA	8.00 PAGI - 6.00 PETANG
HARI	ISNIN - SABTU
CUTI	AHAD & CUTI AM DIKECUALIKAN




KAEDAH PEMBAYARAN		
KAD BERASASKAN TOUCH 'N GO	SYILING	APLIKASI TELEFON PINTAR

NO. TEL : **03-41628672 / 010-894 3035**


<https://mpti.citycarpark.my/>



mptelukintan



twitter.com/MPTI18



majlis_perbandarantelukintan